

18 NOV 2000

Mahathir-Umno

UMNO TAK AKAN IKUT RENTAK TARI ORANG LAIN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata anggota Umno tidak perlu "menari mengikut rentak orang lain" seperti sanggup melakukan fitnah untuk mendapatkan sokongan tetapi sebaliknya menjalankan tugas mengikut kehendak hati sendiri.

"Kita akan meneruskan perjuangan dengan cara kita kerana kita percaya kita adalah di pihak yang benar. Kita tidak perlu membohongi untuk mendapat sokongan daripada orang lain," kata Perdana Menteri dalam ucapan penangguhannya pada Perhimpunan Agung Khas Umno di sini hari ini. Mesyuarat sehari itu diadakan bagi meminda perlembagaan parti.

Beliau berkata Umno amat berlainan dengan pihak yang menentang parti itu kerana mereka terpaksa bergantung kepada fitnah untuk mendapatkan sokongan.

"Umpamanya, mengikut parti lawan, saya telah empat kali mati...tetapi masih hidup. Baru-baru ini dalam Internet ada menyebut kenapa Tengku Razaleigh Hamzah berdiam diri sedangkan beliau seharusnya cuba menjatuhkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang tidak disukai.

"Macam-macam lagi fitnah termasuk kononnya saya takut pada orang itu bila keluar jail," katanya.

Dr Mahathir juga berkata tidak banyak pegawai kerajaan menyokong pembangkang, sebaliknya kebanyakan mereka masih terus bersama kerajaan tetapi mereka tidak secara lantang dan ketara dalam menunjukkan sikap.

"Mereka terus melaksanakan arahan-arahan kerajaan tetapi tidak perlu memakai lambang dan logo parti kerajaan. Memadai dengan mematuhi arahan-arahan kerajaan," katanya.

Perdana Menteri berkata bahawa daripada pengalamannya sendiri berdamping dengan pegawai tinggi dan rendah kerajaan, walaupun mereka tidak lantang menyokong kerajaan tetapi mereka tetap masih bersama parti kerajaan.

"Oleh demikian anggota Umno tidak harus membuat kenyataan yang boleh mengecewakan perasaan kakitangan kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, ada anggota Umno sendiri yang tidak menyokong calon parti sendiri kerana tidak berpuas hati dengan pemilihan calon.

Beliau meminta anggota Umno supaya tidak bersikap menyokong individu tetapi hendaklah menyokong parti.

"Kita harus ingat, kita bukan ahli parti Awang atau Khamis tapi Umno. Itu saja yang saya minta, tidak banyak," katanya.

Beliau menimbulkan perkara ini ketika menjelaskan mengapa pucuk pimpinan parti tidak memberi kuasa kepada peringkat Bahagian Umno untuk memilih calon parti bagi pilihan raya.

Dr Mahathir berkata, pemilihan calon-calon dalam pilihan raya amat rumit dan selalu menyebabkan masalah kepada beliau sendiri sebagai presiden parti untuk membuat keputusan.

Katanya pihak yang tidak terpilih tidak puas hati dan menganggap beliau tersalah memilih calon.

"Ada ketua bahagian tak dapat jadi wakil rakyat dan calon yang jadi wakil rakyat mahu mengekalkan kedudukan masing-masing. Mereka ada penyokong sendiri dan kadang-kadang ada menghantar perutusan untuk berjumpa dan memujuk saya untuk memilih calon mereka," katanya.

Beliau berkata pucuk pimpinan parti boleh mengembalikan kuasa pemilihan calon kepada peringkat bahagian tetapi yang dikuathiri ialah peringkat bahagian sendiri tidak setuju siapa sepatutnya menjadi calon.

Dr Mahathir juga mengucapkan terima kasih kepada perwakilan pada perhimpunan itu kerana menyokong pindaan itu walaupun terdapat desas desus daripada pihak yang tidak setuju beberapa pindaan perlembagaan sebelum ini.

Beliau juga turut mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Pindaan Pelembagaan Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin kerana daya usahanya untuk melihat pindaan perlembagaan itu mencapai matlamatnya.

Dr Mahathir juga menghargai kesanggupan Pengerusi Tetap Umno Tan Sri Sulaiman Ninam Shah untuk mengendalikan mesyuarat walaupun beliau kurang sihat.

-- BERNAMA

ARA ZS MAI